

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG
(TAMBUN)**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN : 37

TUAN LIM KIT SIANG (GELANG PATAH) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbelanjaan untuk menjalankan inkuiri Nasional Hak Tanah Orang Asli dan Asal dari tahun 2010 hingga 2013 oleh SUHAKAM dan untuk lapan belas syor yang terkandung dalam laporan Inkuiri tersebut, berapakah yang telah dilaksanakan dan apakah status pelaksanaan terkini untuk tiap-tiap syor tersebut.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak RM 1.23 juta telah dibelanjakan dalam tempoh 18 bulan bagi menjalankan kajian dan konsultasi yang dikendalikan oleh Pasukan Petugas

Mengkaji Laporan Nasional Inkuiri tersebut. Daripada lapan belas syor yang terkandung dalam laporan Inkuiri tersebut, hanya cadangan penubuhan tribunal sahaja tidak dipersetujui disebabkan terdapat beberapa negeri telah mempunyai sistem pengadilan dan mahkamah khas bagi mengendalikan kes-kes berkaitan Orang Asal iaitu Mahkamah Bumiputera Sarawak dan Mahkamah Anak Negeri Sabah. Berhubung dengan status terkini pelaksanaan untuk tiap-tiap syor tersebut ianya adalah sepertimana di Lampiran.

Sekian, terima kasih.

STATUS TINDAKAN

LAMPIRAN

BIL.	SYOR	STATUS TINDAKAN
1.	Jaminan Pegangan Tanah	<p>Kebanyakan negeri telah mengemaskini sistem dan prosedur untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran tanah di seluruh negara.</p> <p>Semua kawasan orang Asal/Asli yang dianggap oleh Orang Asal/Asli sebagai tanah dan Wilayah adat mereka yang telah dikenalpasti oleh Pihak Berkuasa Negeri hendaklah diisytiharkan dengan segera dan proses perezaban dan pewartaan hendaklah dipercepatkan. Ini adalah kerana perkara ini berada dalam bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri.</p>
2.	Penjelasan Konsep Pegangan Adat	<p>Satu kajian menyeluruh mengenai konsep pegangan adat Orang Asal/Asli akan dilaksanakan untuk mendapatkan gambaran yang jelas dan muktamad mengenai isu-isu berkaitan adat, tradisi dan amalan hidup mereka. Kajian ini hendaklah melibatkan ahli akademik dan mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Pendekatan kajian <i>expert view</i> dijangka dapat menghasilkan dapatan yang lebih mantap dan berwibawa.</p>
3.	Pengembalian bagi hak Tanah Adat yang tidak diiktiraf	<p>Satu kajian menyeluruh akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk dari perspektif undang-undang supaya isu pengembalian bagi "hak tanah adat" dapat dirungkai untuk penyelesaian jangka panjang melalui peruntukan undang-undang.</p> <p>Tindakan sedang diambil bagi memperkemas pelaksanaan pewartaan tanah Orang Asli di bawah Akta Orang Asli 1957 (Akta 134) melalui pengemaskinian dan penyediaan garis panduan.</p>
4.	Mekanisme Keadilan (Redress Mechanisms)	<p>Cadangan penubuhan tribunal sebagai mekanisme keadilan (<i>redress mechanism</i>) tidak dipersetujui oleh beberapa negeri memandangkan negeri-negeri tersebut mempunyai sistem pengadilan atau mahkamah khas yang tersendiri bagi menangani isu berkaitan tanah Orang Asal masing-masing.</p>

STATUS TINDAKAN

LAMPIRAN

5.	Menangani Dasar dan Perancangan Terdahulu	<p>Semua dasar dan perancangan yang melibatkan kawasan Orang Asal/Asli mengambil kira kepentingan mereka sejajar dengan prinsip dan pendekatan <i>Human Rights Based Approach</i> (HRBA) bagi pembangunan dan undang-undang izin berasaskan maklumat awal bebas dan telus (IMABT).</p> <p>Proses pengukuran tanah di kawasan-kawasan yang dikenalpasti dan diluluskan oleh kerajaan akan diselesaikan mengikut jadual.</p>
6.	Kajian Semula Pampasan	Kebanyakan negeri telah bersetuju supaya pampasan yang memadai diberikan mengikut penilaian semasa bagi tanah yang diambil balik.
7.	Menerima Pakai <i>Human Rights Based Approach</i> (HRBA) bagi Pembangunan dan Undang-undang Izin Berasaskan Maklumat Awal, Bebas dan Telus (IMABT)	Semua projek pembangunan tanah yang melibatkan kawasan Orang Asal/Asli hendaklah mengambil kira kepentingan mereka sejajar dengan prinsip dan pendekatan HRBA bagi pembangunan dan Undang-undang Izin berasaskan IMABT.
8.	Memastikan Pembangunan Tanah Tidak Memberi Kesan Buruk Kepada Orang Asal/Asli	Perancangan dan pelaksanaan program pembangunan tanah akan dipastikan lebih realistik, praktikal dan memberi impak yang lebih tinggi melalui proses libat urus (<i>engagement</i>) dengan Orang Asli.

STATUS TINDAKAN

LAMPIRAN

9.	Menggalakkan Model Pembangunan yang Berjaya	Semua agensi yang terlibat sentiasa menggunakan pendekatan rundingan dan perbincangan (<i>engagement</i>) dengan kumpulan terlibat bagi mengelakkan salah faham dan menjaga hubungan baik antara Orang Asal/Asli dengan pihak berkuasa mengikut prinsip IMABT.
10.	Dasar yang Berbentuk “Mesra-Penduduk, Pembangunan Lestari”	Bagi isu-isu yang melibatkan kepentingan Orang Asal/Asli, masyarakat Orang Asal/Asli yang berkaitan dilibatkan dalam proses membuat keputusan.
11.	Langkah-langkah Penyelesaian bagi Tanah Adat Orang Asal/Asli	Pihak Berkuasa Negeri perlu menyemak status tanah khususnya yang melibatkan ‘tanah adat’ dan menjadi pertikaian sebelum membuat apa-apa keputusan. Ini bagi memastikan kepentingan Orang Asal/Asli tidak terjejas.
12.	Pengiktirafan Tanah Asal di Kawasan Yang Dilindungi.	JAKOA akan memastikan bahawa apa-apa aktiviti Orang Asal/Asli di kawasan perlindungan tidak bertentangan dengan undang-undang.
13.	Menggalakkan Penglibatan Secara Aktif Orang Awal dalam Pengurusan Hutan	Mekanisme sedia ada perlu ditambah baik bagi memastikan pengurusan hutan yang lestari. Sebagai penambahbaikan, kepakaran dan pengetahuan Orang Asal/Asli setempat (<i>local expert</i> dan <i>indigenous knowledge</i>) hendaklah digemblengkan bagi memastikan pengurusan hutan yang lebih mapan.
14.	Mengadakan Kajian Semula Komprehensif JAKOA	Kajian akan mengambil kira penyertaan Orang Asli di semua peringkat perancangan dan pengurusan dalam JAKOA.
15.	Meningkatkan Keupayaan Jabatan-Jabatan Tanah	Modul latihan sentiasa dikemaskini supaya dapat memenuhi keperluan semasa (termasuk peningkatan kefahaman tentang isu-isu tanah adat Orang Asal/Asli) dan latihan dapat disampaikan dengan lebih berkesan melalui tenaga pakar dari dalam dan luar institusi berkaitan.
16.	Mengkaji Semula Maklum Balas	Kajian garis panduan akan dilaksanakan bagi menambah baik sistem dan proses ke arah meningkatkan tadbir urus dan ketelusan dalam pentadbiran tanah.

STATUS TINDAKAN

LAMPIRAN

	Terhadap Isu-isu Tanah	
17.	Pelaksanaan Segera Langkah-Langkah Penambahbaikan	<p>Sistem pendaftaran tanah dan pengumpulan data-data berkaitan tanah di peringkat negeri sentiasa dikemaskini dan dipertingkatkan.</p> <p>Bagi memastikan penambah baikan yang berterusan ke arah meningkatkan keupayaan jabatan dan agensi yang terlibat secara langsung dengan perundangan tanah atau pentadbiran Orang Asal/Asli, satu modul latihan untuk melatih anggota yang terlibat diwujudkan di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan JAKOA.</p>